



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

IKLAN JAWATAN KOSONG MAJLIS PERBANDARAN TAIPING



Tarikh Permohonan : 27 Mac 2024 - 09 April 2024

**Pegawai Veterinar Gred GV41
(Tetap/Kontrak)**

**Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J41
(Tetap/Kontrak)**

**Penolong Juru Ukur Bahan Gred JA29
(Tetap/Kontrak)**

**Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29
(Tetap/Kontrak)**

**Pembantu Awam Gred H11 - Lelaki Sahaja
(Tetap/Kontrak)**

Cara Memohon :

1. Maklumat lengkap serta syarat-syarat kelayakan boleh didapati melalui laman web MPT www.mptaiping.gov.my atau Portal Rasmi Perak Digital Perak di <https://digital.perak.my/>
2. Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (online) sahaja dengan mengisi maklumat yang diperlukan di Portal Rasmi Perak Digital Negeri Perak di <https://digital.perak.my/>
3. **Hanya permohonan yang dikemukakan dalam tempoh iklan sahaja akan diproses. Tempoh iklan mulai 27 Mac 2024 hingga 09 April 2024.**
4. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
5. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan di talian 05-8080777 samb : 2202/2204 atau emel hr@mptaiping.gov.my



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

JAWATAN UNTUK DIISI

A. Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang berkelayakan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan adalah dipelawa untuk membuat permohonan jawatan seperti berikut.

1. JAWATAN : **PEGAWAI VETERINAR GRED GV41**
(Tetap / Kontrak)
- KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERTANIAN
- JADUAL GAJI :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KENAIKAN GAJI
RM2,697.00	RM9,551.00	RM225.00

SYARAT LANTIKAN

1.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) (i) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau ijazah dalam ilmu perubatan veterinar atau sains veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan Berdaftar di bawah Seksyen 12(1) Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147) selaras dengan senarai kelayakan-kelayakan di Bahagian 1 Jadual Kedua.
[Gaji Permulaan GV41: RM2,697.00]

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

1.2 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

1.3 Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Veterinar adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Veterinar Gred GV41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau

- (ii) mempunyai kelayakan yang disenaraikan di bawah Jadual II Bahagian II Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147) yang diiktiraf setaraf dengan ijazah am oleh Kerajaan dan lulus Peperiksaan Khas anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia dan Majlis Veterinar Malaysia; dan

(b) Had umur pelantikan:

- (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

2. JAWATAN	:	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED J41 (Tetap / Kontrak)						
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL						
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEJURUTERAAN						
JADUAL GAJI	:	<table> <thead> <tr> <th>GAJI MINIMUM</th> <th>GAJI MAKSIMUM</th> <th>KENAIKAN GAJI</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM2,529.00</td> <td>RM9,643.00</td> <td>RM225.00</td> </tr> </tbody> </table>	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KENAIKAN GAJI	RM2,529.00	RM9,643.00	RM225.00
GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KENAIKAN GAJI						
RM2,529.00	RM9,643.00	RM225.00						

SYARAT LANTIKAN

2.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) (i) Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan J41: RM2,529.00] atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam geografi, ekonomi, sains sosial, antropologi atau perangkaan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan J41: RM2,529.00] atau
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam serta ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan J41:RM2,736.28] atau
- (iv) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina serta ijazah sarjana atau diploma lepas ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan J41: RM2,943.84]

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2.2 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

2.3 Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3(a)

(b) **Had umur pelantikan:**

- (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

3. JAWATAN	:	PENOLONG JURU UKUR BAHAN GRED JA29 (Tetap / Kontrak)		
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA		
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEJURUTERAAN		
JADUAL GAJI	:	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KENAIKAN GAJI
		RM1,549.00	RM5,701.00	RM145.00

SYARAT LANTIKAN

3.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) (i) Sijil dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan JA29: RM1,549.00] atau
- (ii) Diploma dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan JA29: RM1,935.02]

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

3.2 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. JAWATAN	:	PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29 (Tetap / Kontrak)		
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA		
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERUBATAN DAN KESIHATAN		
JADUAL GAJI	:	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KENAIKAN GAJI
		RM1,797.00	RM5,753.00	RM145.00

SYARAT LANTIKAN

4.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) (i) Diploma dalam bidang kesihatan persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan U29: RM1,797.00]

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

4.2 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

4.3 Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 5(a); atau
- (b) **Had umur pelantikan:**
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

5. JAWATAN	:	PEMBANTU AWAM GRED H11 (Tetap / Kontrak) – Lelaki Sahaja		
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA		
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEMAHIRAN		
JADUAL GAJI	:	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KENAIKAN GAJI
		RM1, 218.00	RM2, 939.00	RM80.00

SYARAT LANTIKAN

5.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
[Gaji Permulaan H11: RM1,218]

Calon-calon yang mempunyai kelayakan di perenggan (i) akan melalui ujian fizikal dan ujian bertulis

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

5.2 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.